

02 OCT 2000

Haji-Cadangan/I

PASUKAN KERJA CADANG ADAKAN BENGKEL HAJI SERANTAU

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Persidangan pertama Panduan Haji yang berakhir di sini hari ini mencadangkan bahawa satu pasukan kerja ditubuhkan untuk menetapkan garis panduan bagi pembentukan bengkel serantau yang menggubal antara lain program dan kaedah ke arah mencapai Haji Marbrur di kalangan bakal jemaah Haji.

Adalah dicadangkan pasukan kerja itu terdiri daripada Malaysia, Iran, Nigeria, Jordan, Pakistan dan Arab Saudi yang tanggungjawab mereka ialah menggubal wawasan yang tepat dan terperinci terhadap matlamat, program dan kaedah yang akan diikuti dengan usaha kesedaran.

"Mereka juga patut mendefinisikan keperluan asas latihan dan program persediaan serta kaedah komunikasi," menurut cadangan yang terkandung dalam dua muka surat itu.

Cadangan berkenaan sebelum itu dibacakan oleh setiausaha agung persidangan Dr Abubakr Bagader pada majlis penutupan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Persidangan itu mencadangkan supaya pasukan itu mengkaji kaedah untuk memanfaatkan pengalaman yang diperolehi Malaysia dalam pengurusan hajinya.

Pasukan kerja itu diperlukan menyiapkan tugasnya menjelang musim Haji 1421 akan datang.

Semasa musim haji itu sendiri hasil pasukan kerja itu akan dikaji dan kaedah praktikal dikenalpasti untuk mengadakan bengkel, langkah susulan oleh pasukan kerja dan penyelarasan antara keduanya, menurut cadangan itu.

"Kementerian Haji (Arab Saudi) akan mengeluarkan jemputan bagi mesyuarat pasukan kerja dan satu sekretariat akan ditubuhkan yang ibu pejabatnya bertempat di kementerian itu," katanya.

Persidangan tiga hari itu yang dihadiri kira-kira 150 perwakilan termasuk 25 menteri dari 52 negara turut mencadangkan kaedah komunikasi modern dan alat teknologi terkini digunakan dalam usaha mewujudkan kesedaran jemaah Haji.

Ia turut mencadangkan penganjuran kumpulan mentelaah dan kuliah untuk melatih mereka yang bertanggungjawab bagi penyampaian sebenar program kesedaran itu di negara masing-masing bagi memastikan mereka benar-benar layak dan berkemahiran untuk menyampaikan panduan yang diperlukan.

Para perwakilan turut merakamkan ucapan setinggi-setinggi terima kasih kepada penjaga dua masjid di tanah suci, Putera Mahkota Arab Saudi Abdulla Abdul Aziz atas usaha berterusan Arab Saudi mengambil berat dalam pengurusan para jemaah Haji.

Mereka turut menyatakan terima kasih kepada kerajaan Malaysia dan para pegawai yang bertanggungjawab bagi menjayakan persidangan ini, terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada Arab Saudi, yang diwakili Kementerian Hajinya dan menteri berkenaan Dr Iyad Amin Madani atas jemputan dan kerjasama mengadakan persidangan itu.

-- BERNAMA

MNY MNY RON